

Imbuhan

1. Imbuhan Akhiran
2. Imbuhan Apitan

Kata dasar

1. Imbuhan Akiran

Akhiran	i	-	kasih	-	kasihi
	an	-	laut	-	lautan
	kan	-	beri	-	berikan

2. Imbuhan Apitan

Apitan	beR.....an	-	gugur	-	berguguran
	beR.....kan	-	pandu	-	berpandukan
	ke.....an	-	suka	-	kesukaan
	di.....i	-	masuk	-	dimasuki
	di.....kan	-	masuk	-	dimasukkan
	teR.....kan	-	ingat	-	teringatkan
	meN.....i (me, mem, men, meng)	-	baik	-	membaiki
	meN.....kan (me, mem, men, meng)	-	bersih	-	membersihkan
	memper.....i	-	ingat	-	memperingati
	memper.....kan	-	tahan	-	mempertahankan
	peN.....an (pe, pem, pen, peng)	-	dapat	-	pendapatan
	peR.....an (pe, per)	-	pustaka	-	perpustakaan

SAMPLE

Arahan: Pilih perkataan berimbuhkan akhiran atau apitan yang paling sesuai untuk diisi di tempat kosong dalam petikan di bawah.

Sederet rumah kedai hangus di jilat api dalam (1) _____

(bakaran, dibakarkan, kebakaran, pembakaran) yang berlaku semalam. Pasukan

Pertahanan Awam telah dapat (2) _____ (berkawal, dikawal,

mengawal, terkawal) api yang mula merebak. Dalam (3) _____

(dijadikan, jadikan, kejadian, menjadikan) itu enam orang cedera ringan. Mereka

mendapat (4) _____ (dirawakan, merawatkan, merawati,

rawatan) daripada paramedik yang berada di situ. Jumlah (5) _____

(dirugikan, kerugian, merugi, mematikan) dianggarkan ratusan ribu dolar. Tiada

kes (6) _____ (kematian, dimati, dimati matian, dimatikan, kematian,

mematikan,) yang berlaku. Para penghuni sempat (7) _____

(diselamatkan, ke selamat, menyelamatkan, selamat) diri masing-masing.

Menurut (8) _____ (dilaporkan, laporan, melaporkan,

pelaporan) dari pihak polis, kebanyakan bahagian (9) _____

(bangunan, dibangunkan, membangunkan, pembangunan) yang diperbuat

daripada kayu (10) _____ (bersebabkan, disebabkan,

dipersebabkan, menyebabkan) api cepat merebak.

SAMPLE

Bahagian A

Arahan: Pilih perkataan berimbuhkan yang paling sesuai untuk diisi di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

1. Pelbagai acara telah _____ bagi menyambut ketibaan Hari Kebangsaan.
(**dirancang, merancang, perancang, rancangan**)
2. Kemalangan jalan raya itu _____ dua buah kereta dan sebuah lori.
(**dilibatkan, melibatkan, penglibatan, terlibat**)
3. Kesungguhan pasukan bola sepak sekolah kami berlatih telah _____ hasil apabila muncul sebagai juara di bahagian timur.
(**berbuah, buahan, membuaikan, memperbaikan**)
4. Sikap mulia Salmah patut _____ oleh murid-murid lain.
(**dicontohi, contohkan, mencontoh, mencontohi**)
5. Sungguh cantik peragawati itu _____ baju kurung batik.
(**bergaya, digayai, digayaan, menggayakan**)
6. Ramai _____ tanpa lesen mucul di Geylang menjual daun janur.
(**berniaga, peniaga, perniagaan, perniagakan**)
7. Ada _____ masyarakat yang menyambut hari lebaran dengan penuh kesedihan.
(**digolongkan, golongan, tergolong, segolongan**)
8. Ibu menyimpan _____ lauk asam pedas semalam ke dalam peti sejuk.
(**lebihan, kelebihan, melebihi, melebihkan**)

Arahan: Pilih perkataan berimbuhuan yang sesuai untuk digunakan dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan di tempat kosong.

Murid-murid darjah enam sibuk

mempersiapkan diri untuk menghadapi peperiksaan PSLE. Pada tahun ini (1) _____ 4000 murid akan (2) _____ peperiksaan tamat sekolah rendah itu. (3) _____ ini kurang sedikit daripada tahun lalu. Peratus murid-murid yang akan lulus pada tahun ini dijangkakan (4) _____.

Ada beberapa perkara yang dapat (5) _____ dengan jangkaan itu. Di antaranya ialah banyak hari cuti yang datuh pada waktu musim peperiksaan. Oleh itu murid-murid (6) _____ ejuang dengan suasana perayaan atau pecutian.

Harapan ibu bapa juga menjadi (7) _____ kepada anak-anak. Setiap ibu bapa mahukan anak-anak mereka mendapat (8) _____ yang cemerlang. Untuk mencapai tujuan ini, mereka sanggup (9) _____ apa sahaja demi masa depan anak-anak mereka.

- | | |
|-------------------------------------|-------------------------------|
| 1. 1) beramai
3) seramai | 2) ramaikan
4) teramai |
| 2. 1) diduduki
3) menduduki | 2) kedudukan
4) terduduk |
| 3. 1) bilangan
3) terbilang | 2) membilang
4) sebilangan |
| 4. 1) kejerosutan
3) pamer sotan | 2) merosot
4) merosotkan |
| 5. 1) berkait
3) kaitan | 2) dikaitkan
4) mengait |
| 6. 1) dipaksa
3) paksaan | 2) memaksa
4) terpaksa |
| 7. 1) ditekan
3) tekankan | 2) tekanan
4) tertekan |
| 8. 1) keputusan
3) putuskan | 2) memutuskan
4) terputus |
| 9. 1) dilakukan
3) melakukan | 2) kelakuan
4) pelaku |

Selain dari itu ada perkara-perkara lain yang turut (10)_____ kepada kemerosotan tersebut.

Demam peperiksaan kini sudah mula (11)_____. Di sana sini ibu bapa sibuk membantu anak-anak mereka membuat (12)_____ untuk menghadapi peperiksaan. Dalam pada itu ada segelintir anak-anak yang tidak (13)_____ peduli langsung.

Dalam perkara ini ibu bapalah yang (14)_____ dipertanggungjawabkan. Anak-anak ibarat kain putih, ibu bapalah yang (15)_____nya. Oleh itu peranan ibu bapa amat penting.

10. 1) menyumbang 2) penyumbang
3) sumbangan 4) sumbangkan
11. 1) berasa 2) dirasakan
3) merasakan 4) rasakan
12. 1) bersiap 2) disiapkan
3) menyiapkan 4) persiapan
13. 1) ambilkan 2) mengambil
3) pengambilan 4) terambil
14. 1) diharuskan 2) keharusan
3) pengharusan 4) seharusnya
15. 1) bercorak 2) dicorakkan
3) mencorakkan 4) mencoraki

SAMPLE

ARAHAN: Pilih makna peribahasa yang sesuai bagi setiap peribahasa dalam ayat-ayat di bawah ini. Tuliskan huruf jawapan dalam kurungan yang disediakan.

A	sentiasa sibuk	G	tidak mengenang budi
B	akal yang pintar	H	bekerja bertungkus-lumus
C	menjadi sumber kekuatan	I	pengetahuan yang terhad
D	masih dapat mengingati sesuatu	J	melakukan kerja yang sia-sia
E	bantu membantu antara satu sama lain	K	selalu bertengkar apabila bertemu
F	datang berziarah tanpa membawa apa-apa	L	menerima kedatangan orang dengan gembira

1. Perbuatan remaja yang duduk bersimbang di kolong-kolong flat tidak ubah **seperti menghitung bulu kambing.** ()
2. Budak yang **tajam hati** cepat memahami pelajaran yang diajar. ()
3. Bagaimakah pasangan itu dapat hidup r劲an damai jika setiap hari **seperti anjing dengan kucing?** ()
4. Setiap pekerja di syarikat itu akan menyerah dan mengharapkan Cik Roslan kerana dia merupakan **tulang belakang** syarikat tersebut. ()
5. Walaupun baru sebulan mengenal Hasan, Johari menyambut kedatangan Hasan dengan **tangan terbuka.** ()
6. Pak Man terpaksa **perah senaga** mencari nafkah untuk membesarakan empat orang anaknya. ()
7. Sikap **seperti pahat dengan pemukul** yang ditunjukkan oleh penduduk kampung Tanah Rata patut dicontohi. ()
8. Sungguhpun umur Tok Panjang mencecah sembilan puluhan namun ia masih mempunyai **tajam ingatan.** ()
9. Sikap **seperti kacang lupukan kulit** telah banyak terjadi kepada anak-anak kita pada hari ini. ()
10. Sejak kebelakangan ini jarang kita melihat Mak Gayah berehat di rumah tidak ubah **seperti lipas kudung** masanya banyak dihabiskan di kedai. ()

Arahian: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelah, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan dalam kurungan yang disediakan.

1. Anak-anak muda hari ini sanggup melakukan apa sahaja _____

- 1) demi mengejar cita-cita
- 2) asalkan hidup mereka senang
- 3) kepada ibu bapa yang telah tua
- 4) supaya ibu bapa mereka bahagia

()

2. Anak-anak muda hari ini lupa tanggungjawab_____

- 1) menjaga diri mereka
- 2) membantu ibu bapa yang miskin
- 3) menjaga kedua orang tua mereka
- 4) mengingati kesusahan ibu bapa mereka

()

3. Pada hari ini terdapat ramai ibu bapa _____

- 1) yang nasibnya lebih baik
- 2) yang ditinggalkan oleh anak-anak
- 3) yang telah melupakan anak mereka
- 4) yang dihantar ke rumah tumpangan warga tua

()

4. Rumah tumpangan pada masa ini _____

- 1) memberi layanan yang cukup
- 2) memberi pelbagai kemudahan
- 3) mempunyai tempat yang lebih selesa
- 4) sangat digemari oleh orang-orang tua

()

5. Perkataan **menjenguk** dalam petikan bermaksud _____

- 1) menjelak
- 2) menziarahi
- 3) mendatang
- 4) menghulurkan

()

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Tina anak tunggal. Ayahnya seorang usahawan sementara ibunya suri rumah. Keluarganya tinggal di sebuah rumah sebandung. Hidup mereka boleh dikatakan mewah. Hidup ini seperti roda, adakalanya di atas dan adakalanya di bawah. Begitu juga tentang nasib Tina.

Kira-kira dua bulan yang lalu, ayahnya terlibat dalam kemalangan jalan raya ketika hendak ke pejabat. Ibunya pula sedang berusuna melawati penyakit barah yang dihidapinya. Tina yang dibiasakan dengan kemandirian terpaksa mengubah jadual hariannya. Dia terpaksa menguruskan ibunya yang sedang terlantar sakit. Ayahnya pula sedang dirawat di hospital.

Bagi Tina, wang bukanlah segalanya. Kini dia mula menyedari, ayah dan ibu lebih penting daripada wang yang banyak. Tina tetap berharap agar ayahnya akan cepat pulih. Tina juga berharap ada **penawar** yang boleh menyembuhkan penyakit ibunya. Banyak pelajaran yang Tina perolehi daripada musibah yang sedang dihadapinya. Kehidupan di dunia ini tiada yang kekal.

Arahian: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelah, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut. Tuliskan nombor jawapan dalam kurungan yang disediakan.

1. Sebelum ini, Tina sekeluarga hidup _____.
1) dalam kesempitan
2) dalam penderitaan
3) dalam kemewahan
4) dalam serba kekurangan ()

2. Nasib Tina sekeluarga telah berubah _____.
1) setelah ayahnya ditimpa kemalangan
2) setelah ibunya menghidap penyakit barah
3) setelah kedua-dua orang tuanya ditimpas musibah
4) setelah putaran roda-roda kehidupan berada di bawah ()

3. Tina terpaksa mengubah jadual hariannya _____.
1) supaya dapat menjaga ibunya yang sedang sakit barah
2) agar dapat membahagikan masa untuk kedua orang tuanya
3) supaya dapat melawat ayahnya yang sedang berada di hospital
4) agar dapat memenuhi masa untuk kegiatan-kegiatan sekolah ()

4. Pada pendapat Tina, ayan dan ibunya _____.
1) lebih mementingkan wang dan segala-galanya
2) tidak penting kalau tidak mempunyai wang yang banyak
3) sama penting dengan kemewahan dan wang yang banyak
4) lebih penting daripada kemewahan dan wang yang banyak ()

5. Perkataan **penawar** dalam petikan bermaksud _____.
1) ubat
2) jampi
3) doktor
4) pawang ()

ARAHAN: Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- | | |
|-----|--|
| 1) | di kawasan mana |
| 2) | saya tengok alamatnya |
| 3) | kali pertama saya ke sini |
| 4) | baru sahaja pindah ke sini |
| 5) | orang tidak pernah datang boleh sesat |
| 6) | dia dahulu yang datang menjenguk kita |
| 7) | tidak kira apa bangsa asalkan baik orangnya |
| 8) | kenal dia sejak kecil lagi sudah seperti adik-beradik |
| 9) | kunjung-mengunjung untuk menceratkan perhubungan |
| 10) | saling bantu-membantu sama ada waktu susah atau senang |

Pemandu Teksi : Encik hendak ke mana?

Penumpang : Tolong hantar saya ke alamat ini.

Pemandu Teksi : Cuba (1)_____. Oh! Ini di Hougang encik.

Penumpang : Saya tidak pernah datang tempat ini. Inilah (2)_____.

Pemandu Teksi : Ini tempat baik encik. Kalau (3)_____.

Penumpang : Kawan saya (4)_____. Kebetulan hari ini dia adakan rumah terbuka.

Pemandu Teksi : Beginilah adat bersahabat yang dikehendaki. Kita disuruh (5)_____.

Penumpang : Saya(6)_____. Kami berjiran.

Pemandu Teksi : Walaupun jiran, kalau dia baik kita anggap seperti saudara kita. Kalau kita sakit, (7)_____.

Penumpang : Benar kata awak. Kami (8)_____.

Pemandu Teksi : Awak beruntung dapat jiran yang baik. Ha! Kita sudah sampai.

Penumpang : Ini tambangnya. Jumpa lagi.

Kefahaman 2: Rangsangan Grafik (10 markah)

Arahan: Teliti brosur yang berikut. Kemudian, jawab soalan yang mengikutinya.

Ingin mencapai kecemerlangan? siapkan diri anda dengan secukupnya

Kami ada menyediakan
PROGRAM INTENSIF untuk pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan

mengulangkaji secara intensif
DARJAH 3,4 5 dan PSLE ENGLISH MATH SCIENCE

Program Intensif ini akan menerapkan:

- Teknik yang berkesan agar mudah memahami apa yang dipelajari
- Penghafalan yang berkesan bagi matapelajaran Science
- Teknik memahami teks ketulungan
- Teknik mudah menyelesaikan masalah dalam Matematik (Problem Solving)
- Cara meningkatkan keyakinan serta kurangkan stres dan debaran peperiksaan



Ramai pelajar berbukti makarhnya meningkat dengan mengikuti Program Intensif ini.

Dapatkan Buku Panduan
Rahsia Kecemerlangan
Oleh
Dr Zamihan
PERCUMA

**Harga Istimewa untuk 50
pelanggan pertama!**
2 mata pelajaran pada
harga \$320/-

Buat pendaftaran sekarang dengan menghubungi
7788-7878 / SMS 4434-4344

Tempat terhad

ARAHAN: Berdasarkan brosur di halaman 4, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 30 hingga Soalan 32. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. Bagi Soalan 33, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di halaman 6.

30. Tujuan utama Progam Intensif ini diadakan untuk para pelajar _____


1. membuat pendaftaran
 2. dapatkan buku panduan
 3. mencapai kecemerlangan
 4. menghadapi peperiksaan
- ()

31. Program ini memberi tumpuan kepada _____

1. semua mata pelajaran
 2. 3 mata pelajaran sahaja
 3. pelajaran-pelajaran yang lemah
 4. 3 mata pelajaran termasuk bahasa ibunda
- ()

32. Program ini terbukti berjaya kerana _____

1. markah yang mereka perolehi meningkat
 2. dapat menjawab soalan-soalan dengan mudah
 3. ramai rakan-rakan yang mengikuti program
 4. pelajar-pelajar tidak stress bila hadapi peperiksaan
- ()



33. Kamu mahu mengajak rakan kamu menyertai Program Intensif bersama kamu. Untuk meyakinkan rakan kamu itu, kamu harus menerangkan kepadanya dua faedah yang dapat diraih melalui program yang diadakan.

Gunakan informasi dalam brosur program ini untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini.
(4 markah)

